

Kita hab selenggara pesawat

BH - 23/5/2007

Kepakaran, caj kompetitif kelebihan negara baiki kapal terbang rantau ini: Najib

Oleh Abdul Razak Raaff dan Azli Ayob

KUALA LUMPUR: Malaysia memiliki kelebihan untuk menjadi hab utama sektor penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat komersial rantau ini kerana mutu perkhidmatan bertaraf dunia yang ditawarkan syarikat tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata selain itu, perkhidmatan MRO tempatan mengenakan caj yang amat kompetitif serta memiliki pekerja berkualiti tinggi.

Malah, katanya, pelan induk industri aeroangkasa negara turut memberi keutamaan dalam penyediaan perkhidmatan MRO dan penyertaan syarikat tempatan adalah satu daripada langkah besar bagi merealisasikan hasrat negara.

"Kita mempunyai banyak kelebihan terutama penawaran kos yang kompetitif dan pekerja berkualiti sehingga boleh menjadikan kita sebagai pusat menyediakan kemudahan MRO bertaraf dunia di rantau ini.

"Kerajaan juga menawarkan pelbagai insentif, antaranya kemudahan tanah untuk dipajak selain sokongan kepada syarikat tempatan menyertai sektor itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan Memorandum Persetujuan (MoA) antara syarikat penerbangan tambang murah AirAsia Berhad (AirAsia) dan Sepang Aircraft Engineering Sdn Bhd (SAE), di sini semalam.

AirAsia diwakili Ketua Pegawai

Eksekutifnya, Datuk Tony Fernandes, manakala SAE oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Syed Budriz Putra. Hadir sama Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Pengerusi SAE, Tan Sri Nik Ismail Nik Mohamed.

SAE adalah syarikat tempatan yang menyediakan perkhidmatan MRO bagi pesawat komersial termasuk Boeing 737, 747, 777 dan Airbus A320 dan A330.


Najib berkata, berdasarkan ekonomi global semasa dan peningkatan kos penyelenggaraan yang dihadapi syarikat penerbangan, syarikat MRO tempatan yang menawarkan kos lebih kompetitif mempunyai potensi bersaing dengan operator MRO lain di rantau ini.

"Kerajaan sentiasa memberi sokongan kepada syarikat tempatan yang bersedia bersaing pada peringkat global. Saya pasti Kementerian Pengangkutan, Jabatan Penerbangan Awam dan Malaysia Airports Holdings Berhad sedia menawarkan pelbagai bantuan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata, kerajaan akan menurunkan kadar cukai lapangan terbang di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) bagi sektor penerbangan antarabangsa.

"Maklumat terperinci penurunan kadar cukai ini akan menggembirakan penumpang dan akan diumumkan esok (hari ini)," katanya.

Tony ketika diminta mengulas mengenai perkara itu berkata, langkah itu menunjukkan kerajaan mengiktiraf usaha AirAsia membawakan



BERI TUMPUAN: Syed Budriz Putra (kiri) memberi penerangan mengenai model bangunan SAE kepada Najib, sambil diperhatikan Chan (dua dari kanan) dan Tony di Kuala Lumpur, semalam.

perkhidmatan penerbangan tambang murah kepada penduduk negara ini.

"Saya sudah membangkitkan mengenai perkara ini sejak lima tahun lalu dan langkah kerajaan menurunkan kadar cukai lapangan terbang di LCCT satu tindakan yang mengagumkan," katanya.

Ditanya mengenai pembukaan laluan penerbangan Kuala Lumpur-Si-

“ Kita ada banyak kelebihan terutama penawaran kos yang kompetitif”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

ngapura kepada AirAsia pada Disember 2008, Najib berkata, kerajaan masih memantau situasi itu sebelum membuat sebarang keputusan.

Laluan penting itu yang hanya diberi kepada Penerbangan Malaysia (MAS) dan Singapore Airlines hanya akan dibuka pada Disember tahun depan sejajar liberalisasi sektor penerbangan Asean.